

JM 02 MAR 2005

## Sumpah Mahsuri akan berulang — Mahathir

KUALA LUMPUR 1 Mac — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meramalkan sumpah Mahsuri akan berulang di Langkawi jika penduduk setempat enggan merebut peluang pekerjaan dan perniagaan di pulau legenda itu.

Dalam satu temuramah sempena laporan khas Pulau Langkawi 12 siri yang disiarkan di *Warta Perdana TV1* bermula malam esok, Dr. Mahathir

berkata, pembangunan berterusan itu memberi banyak manfaat kepada penduduk yang sebelum ini bekerja sebagai nelayan dan petani sahaja.

“Pada mulanya, apabila kita menjadikan Langkawi sebagai pulau pelancongan, kita cuma berharap dengan mendirikan hotel kecil dan tidak adalah pembangunan seperti marina yang besar.

“Tapi permintaan nampaknya begi-

tu tinggi dan kita perlu mengadakan kemudahan yang lebih canggih sehingga sekarang ini, Langkawi sudah boleh dikatakan setaraf dengan Phuket, Thailand dan Bali di Indonesia.

“Bukanlah dari sudut yang sama, tetapi ia mempunyai daya penarik yang berbeza,” katanya.

Laporan khas bertajuk *Langkawi, Sumpahan Terungkai* di TV1 akan menyiarkan laporan mengenai bagai-

mana pulau legenda berkenaan membangun menjadi pusat pelancongan dan pelaburan terkemuka di rantau ini.

Industri pelancongan yang berkembang pesat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Langkawi untuk bekerja di hotel dan resort yang banyak dibina selain menjadi pemandu pelancong dan pengusaha bot pelancong.